

23/04/2001

Hapuskan punca politik wang terlebih dulu

CADANGAN supaya pemimpin terlalu kaya tidak dibenarkan bertanding jawatan penting pada peringkat bahagian dan cawangan Umno sebagaimana disarankan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin, sewajarnya memerlukan kajian rapi. Dr Mahathir sendiri mengakui bahawa mungkin ada orang yang kaya, tetapi mereka tidak menggunakan wang membeli undi untuk mendapatkan tempat dalam parti. Majlis Tertinggi (MT) Umno wajar menghalusi cadangan itu sekiranya ia sesuai dilaksanakan demi membanteras gejala politik wang dalam parti. Cuma, pengertian seseorang yang 'terlalu kaya' memerlukan satu takrifan yang boleh diterima umum. Sekiranya pengertian itu tidak jelas, ia boleh menimbulkan masalah baru kerana orang yang sekadar kaya, juga boleh diklasifikasikan sebagai terlalu kaya oleh saingan politiknya. Ia hanya menyebabkan tuduh menuduh yang tidak berkesudahan. Apa yang penting, usaha untuk menghapuskan politik wang mesti terus dilakukan dengan apa cara sekali pun. Baru-baru ini, MT Umno membuat keputusan untuk merujuk kes politik wang kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) terhadap ahli parti yang terbukti menggunakan wang dalam kempen pemilihan parti. Dengan rangkaian tindakan tegas itu, diharapkan tidak ada lagi ahli parti yang berani bermain api.

Bagi yang terlalu kaya, tidak ada sebab mereka perlu bertanding merebut jawatan penting dalam parti. Jika mahu berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat dan negara, mereka boleh memberi sokongan tanpa perlu memegang apa-apa jawatan. Mereka boleh menyalurkan wang mereka untuk kerja kebajikan menerusi parti tanpa perlu 'berperang' sesama sendiri. Ia jauh lebih bermakna daripada menaburkan wang semata-mata untuk mendapatkan undi. Sekiranya saingan mereka juga berpengaruh, ia akan menyebabkan saingan hebat hingga masalah peribadi turut dijadikan bahan kempen. Daripada mendapat aib, adalah lebih baik memberi laluan kepada orang lain untuk bertanding.

Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir, orang kaya biasanya terdorong untuk menggunakan kekayaan mereka bagi mencari pengaruh yang lebih besar. Dengan wang, sudah tentulah, saingan mereka akan menghadapi masalah untuk mencabar, jika wang juga yang diperlukan untuk mencari pengaruh. Pemilihan dalam Umno bukanlah untuk mencari siapa yang lebih kaya, tetapi untuk mengetengahkan orang yang boleh memimpin parti ke arah kebaikan. Kini, dengan cadangan menimbangkan kemungkinan tidak menawar apa-apa kontrak projek kepada ketua bahagian, tidak perlulah mereka menghabiskan wang yang ada kerana yang dikendong keciciran, yang dikejar terlepas. Ini kerana selepas ini, kemungkinan besar tidak ada jaminan ketua-ketua bahagian diberikan kontrak projek. Sebenarnya, pemberian kontrak kepada ketua-ketua kerajaan bukanlah satu amalan. Sesiapa yang pernah mendapatkannya juga mungkin secara kebetulan yang mereka juga adalah ahli perniagaan. Apa yang paling malang ialah mereka yang mempunyai wang, membelanjakan wang untuk memastikan kemenangan pemilihan jawatan dalam parti dengan harapan mereka akan mendapat kontrak besar. Orang seperti ini tidak boleh lagi berangan-angan kerana memberikan mereka kontrak bermakna Umno menggalakkan politik wang. Untuk menghapuskan politik wang, apa saja yang boleh dianggap sebagai puncanya, hendaklah dihapuskan segera.

(END)